

**R I S D A**  
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
( Kementerian Pembangunan Luar Bandar )  
Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat RISDA  
Jalan Ampang  
50734 Kuala Lumpur

Tel : 03-4584022

Ruj. fail : (53)3.6/9480.16

Tarikh : 22 Jun 1993

*Pn. Hong Mei Hua*

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

**Panduan Pematuhan PERATURAN KEWANGAN RISDA - No. 1 Tahun 1993**

Bayaran Mengikut Surat Ikatan Penyerahan Hak

1. Menurut Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 2 Tahun 1989 bertarikh 31 Oktober 1989, surat ikatan penyerahan hak untuk syarikat yang ada urusan dengan kerajaan perlu ditandatangani oleh tiga pihak, iaitu kerajaan ( atau RISDA untuk kontrak dengan RISDA ), penyerah hak dan penerima serahan. Langkah tersebut adalah bertujuan mengetatkan lagi kawalan bayaran oleh kerajaan / RISDA dan untuk menjamin bahawa bayaran dilakukan hanya kepada pihak yang berhak menerima wang bayaran itu. Peruntukan tersebut telah diterima pakai oleh RISDA melalui Arahan Pentadbiran - No. 20 / 1990.

2. Difahamkan bahawa Pusat-pusat Tanggungjawab yang mengendalikan bayaran perbelanjaan telah mengalami kesulitan untuk mematuhi kehendak tersebut kerana ketiadaan contoh surat ikatan penyerahan hak yang sesuai yang boleh diguna sebagai rujukan. Untuk mengatasi masalah itu, Bahagian Kewangan Ibu Pejabat telah merangka satu contoh surat ikatan penyerahan hak, yang disertakan bersama-sama ini sebagai panduan untuk semua Pusat Tanggungjawab. Dalam hal ini, perkara-perkara berikut perlu diambil perhatian :-

- a) Surat ikatan penyerahan hak mengikut bentuk yang disediakan itu adalah untuk diguna oleh syarikat-syarikat yang mempunyai kontrak dengan RISDA yang ingin menyerah hak terimaan wang di bawah satu-satu kontrak kepada pihak lain. Memandangkan berbagai jenis dan bentuk kontrak diikat oleh RISDA, syarikat yang terbabit adalah dibenarkan untuk mengubahsuai syarat-syarat tertentu yang terkandung dalam contoh surat ikatan penyerahan hak, kecuali syarat 5 dan 6 dan juga bahagian PERAKUAN RISDA.
- b) Untuk kontrak yang diikat di peringkat Ibu Pejabat, Pengarah Kewangan akan menandatangani surat ikatan penyerahan hak bagi pihak RISDA. Untuk kontrak yang diikat di peringkat Pusat Tanggungjawab pula, Ketua Pusat Tanggungjawab yang terbabit dalam kontrak asal dengan penyerah hak adalah dikehendaki menandatangani surat ikatan penyerahan hak.


c) Untuk syarikat-syarikat yang berkontrak dengan Kementerian Kewangan ( iaitu kontrak pusat ), Pusat-pusat Tanggungjawab boleh menerima mana-mana format surat ikatan penyerahan hak yang diserahkan oleh syarikat berkenaan asalkan ianya telah ditandatangani oleh pihak Kementerian Kewangan.

3. Mulai tarikh berkuatkuasanya surat ini, Pusat-pusat Tanggungjawab yang diminta membayar kepada pihak selain yang berhak menerimanya perlu meminta salinan (yang diakui sah) surat ikatan penyerahan hak sepertimana yang ditetapkan di atas. Salinan surat ikatan penyerahan hak itu perlu dikembalikan kepada salinan asal baucar bayaran sebagai dokumen sokongan bayaran. Ini bererti bahawa setiap kali tuntutan bayaran dikemukakan oleh syarikat yang terbabit, ianya perlu diiringi dengan salinan (yang diakui sah) surat ikatan penyerahan hak.

4. Surat ini dikeluarkan sebagai *Panduan Penatuhan PERATURAN KEWANGAN RISDA - No. 1 Tahun 1993* selaras dengan Peraturan A.10 PERATURAN KEWANGAN RISDA dan berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1993.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

  
(Hj. Mohd. Yunus b. Hj. Sulaiman)  
Unit 3.6  
Pengarah Kewangan  
b/p Ketua Pengarah  
R I S D A

s.k. i) Ketua Pengarah  
ii) Tim. Ketua Pengarah (0)

uspik

84

SURAT IKATAN PENYERAHAN HAK

SURAT IKATAN ini dibuat pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 19 \_\_\_\_  
di antara \_\_\_\_\_ (tuliskan nama  
penyerah hak) yang beralamat di \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ (tuliskan alamat penuh penyerah hak)  
[ kemudian daripada ini disebut sebagai "Penyerah Hak" ] sebagai satu  
pihak dengan \_\_\_\_\_ (tuliskan nama  
penerima serahan) yang beralamat di \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ (tuliskan alamat penuh penerima serahan)  
[ kemudian daripada ini disebut sebagai "Penerima Serahan" ] sebagai  
pihak yang satu lagi.

BAHWASANYA :-

19

1. Penyerah Hak dan Penerima Serahan telah mengikat satu kontrak jualan  
pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 19 \_\_\_\_ [ kemudian  
daripada ini disebut sebagai Kontrak Jualan ] berhubung dengan  
jualan \_\_\_\_\_ (tuliskan  
barang yang dijual) dari Penerima Serahan kepada Penyerah Hak.
2. Di bawah terma dan syarat Kontrak Jualan, Penerima Serahan telah  
bersetuju untuk membekalkan kepada Penyerah Hak \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ (tuliskan barang yang dijual)  
mengikut kuantiti dan harga yang ditetapkan dalam Kontrak Jualan.
3. Penyerah Hak pula telah mengikat satu kontrak dengan Pihak Berkuasa  
Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah [ kemudian daripada ini  
disebut sebagai "RISDA" ] untuk membekalkan \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ (tuliskan barang yang dijual)  
kepada RISDA menurut tender no. \_\_\_\_\_ (tuliskan  
rujukan tender) rujukan kontrak no. \_\_\_\_\_ (tuliskan  
rujukan kontrak) bagi tempoh masa \_\_\_\_\_ hingga  
\_\_\_\_\_ (tuliskan tempoh masa kontrak) [ kemudian  
daripada ini disebut sebagai Tender Yang Dimaksudkan ].
4. Sebagai balasan bahawa Penerima Serahan telah bersetuju untuk  
membekalkan kepada Penyerah Hak \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ (tuliskan barang yang dijual) di bawah Kontrak  
Jualan, yang kemudiannya akan dijual kepada RISDA menurut Tender  
Yang Dimaksudkan, Penyerah Hak dengan ini menyerahkan secara mutlak  
kepada Penerima Serahan segala hak terimaan wang yang timbul dan  
kena dibayar sekarang ataupun pada masa akan datang oleh RISDA  
kepada Penyerah Hak di bawah Tender Yang Dimaksudkan.

5. RISDA tiada halangan atas penyerahan hak ini dan Penyerah Hak  
mengesahkan bahawa bayaran oleh RISDA ke akaun bank Penerima Serahan  
no. akaun \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ (tuliskan nombor akaun bank Penerima Serahan dan  
nama dan cawangan bank) akan diterima sebagai penyelesaian hutang  
yang sempurna kepada Penyerah Hak di bawah Tender Yang Dimaksudkan.
6. Walau apapun peruntukan dalam Surat Ikatan ini, Penyerah Hak dan  
Penerima Serahan mengakui bahawa Surat Ikatan ini adalah di antara  
Penyerah Hak dengan Penerima Serahan sahaja dan seterusnya bersetuju  
melepaskan RISDA daripada apa-apa tindakan yang mungkin timbul  
daripada Surat Ikatan ini.
7. Walau apapun hak Penerima Serahan yang terkandung dalam Surat Ikatan  
ini, Penyerah Hak akan terus bertanggung kepada Penerima Serahan  
untuk semua wang yang kena dibayar di bawah Kontrak Jualan sehingga  
semua hutang Kontrak Jualan telah dibereskan sepenuhnya.
8. Penyerah Hak bersetuju melepaskan Penerima Serahan daripada semua  
tindakan, tuntutan, denda dan sebarang perbelanjaan lain yang  
dikenakan atau mungkin dikenakan oleh RISDA di bawah Tender Yang  
Dimaksudkan disebabkan ketidakpatuhan terma dan syarat Tender Yang  
Dimaksudkan oleh Penyerah Hak.
9. Tanggungan di bawah Surat Ikatan ini akan kekal dan sah laku walau  
apapun perubahan sama ada disebabkan kebangkrapan, kematian,  
perbadanan atau mengikut apa jua bentuk pun dalam nama, cara,  
perlembagaan atau komposisi Penyerah Hak atau Penerima Serahan.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Surat Ikatan ini telah  
menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-  
mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak  
Penyerah Hak di hadapan

.....  
Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

.....  
(saksi)

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Meteri  
Penyerah Hak :

Ditandatangani untuk dan bagi pihak  
Penerima Serahan di hadapan

.....  
Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

.....  
(saksi)

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Meteri  
Penerima Serahan :

PERAKUAN RISDA

Saya, \_\_\_\_\_ No. kad pengenalan \_\_\_\_\_,  
pegawai RISDA yang diberi kuasa, dengan ini bersetuju bahawa RISDA akan  
membayar hutang yang kena dibayar di bawah Tender Yang Dimaksudkan kepada  
Penerima Serahan menurut kehendak Surat Ikatan ini dan mengesahkan bahawa  
bayaran yang dilakukan akan dianggap sebagai telah menjelaskan hutang  
kepada Penyerah Hak di bawah Tender Yang Dimaksudkan.

\_\_\_\_\_  
Nama :

Jawatan :